



NOTA PERCAKAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TAKLIMAT MEDIA
SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA TAHUN 2024**

**14 FEBRUARI 2024
10:00 PAGI – 12:30 TENGAH HARI
ARAS 7, KPWKM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana pada hari ini, kita dapat bersama-sama bertemu dan berkumpul dalam **Taklimat Media Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2024.**

PENGHARGAAN

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini termasuk rakan-rakan media kerana kehadiran tuan-tuan dan puan-puan **membuktikan** komitmen yang teguh untuk **sentiasa menyokong agenda pemerkasaan wanita**. Hal ini juga merupakan satu bentuk **manifestasi pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan wanita** kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2024

Hadirin yang saya muliakan,

3. Setiap tahun 8 Mac merupakan Hari Wanita Antarabangsa yang disambut sebagai simbol-penghargaan kepada wanita sedunia. Ia merupakan hari untuk mengiktiraf dan menguar-uarkan kejayaan yang diperolehi golongan wanita di seluruh negara tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi sekali pun politik, dan pada masa yang

sama, untuk kita sama-sama melihat dan menilai pencapaian serta kedudukan kita wanita, dan terus-menerus merencanakan pemerkasaan wanita yang lebih gemilang untuk masa akan datang.

4. Suka saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengumumkan bahawa KPWKM telah memilih **tema “Wanita Dijulang, Negara Gemilang”** sebagai tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2024.

5. Tema ini memberikan penekanan akan pentingnya mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender pada semua peringkat sebagai usaha memartabatkan wanita di negara ini. Sebagai wanita, kita berkemampuan dan sememangnya berpotensi tinggi. Kita bukan semata pengisi kuota (quota fillers) dan apabila diberi peluang, kehebatan wanita sudahpun menonjol dalam pelbagai bidang dan menjadi sumber inspirasi kepada setiap lapisan masyarakat.

6. Tema ini juga ingin meluaskan anggapan masyarakat terhadap kesaksamaan gender. Kesaksamaan bukanlah bermaksud pihak lelaki dan wanita bersaing atau mempunyai hak dan keperluan yang sama rata semata-mata, tetapi ianya adalah tentang nilai menghormati dan untuk membantu satu sama lain. Contohnya, kebanyakan daripada kita masih beranggapan bahawa tugas menjaga anak-anak perlu digalas oleh wanita manakala lelaki bertanggungjawab dalam mencari rezeki, tetapi bukankah perkahwinan itu sebuah perkongsian atau *partnership*? *Why*

does it have to be mutually exclusive? Why can it not be both?

7. Pada hari ini, wanita memainkan pelbagai peranan dalam pelbagai aspek seperti menjadi ibu, ketua keluarga, ketua masyarakat, penggerak komuniti profesional dan pemimpin global. Namun, sistem sokongan untuk wanita amat penting, bermula dengan di rumahnya, tempat kerjanya, dan komuniti dan masyarakat secara menyeluruh. Bagi memastikan usaha pemerksaan wanita sentiasa diutamakan, berbekalkan semangat juang semata-mata

tidak akan dapat membuahkan hasil, jika tidak disusuli dengan persekitaran yang mendukung usaha pemerksaan ini.

8. Oleh itu, beberapa inisiatif penting akan menjadi tumpuan Kementerian bersempena dengan sambutan Hari Wanita ini, antaranya:

- (i) Peningkatan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan;
- (ii) Toleransi sifar keganasan terhadap wanita;

(iii) Peningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi; dan

(iv) Penambahbaikan persekitaraan bagi menjamin kesejahteraan wanita.

9. Usaha ini perlu diperkasakan seiring agenda mengarusperdanakan kesaksamaan gender supaya saling melengkapi, seterusnya akan membuka lebih banyak ruang bagi mencapai inklusiviti untuk wanita.

10. Selain itu, ingin saya ingatkan di sini bahawa peranan bagi agenda pemerkasaan wanita ini bukanlah berada di bahu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata, bahkan semua pihak turut mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri bagi menyokong agenda ini.

11. Oleh itu, usaha memperkasakan wanita dan mengarusperdanakan gender melalui pelbagai program advokasi pemerkasaan komuniti, sokongan sosial, penjanaaan pendapatan serta pewujudan persekitaran

kondusif bagi menyokong usaha Kerajaan untuk mencapai 60% penyertaan tenaga buruh wanita juga diberikan fokus.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Pada kesempatan yang ada ini, saya ingin mengajak semua pihak dan pelbagai lapisan masyarakat untuk turut sama-sama meraikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 terutamanya pada 8 Mac ini dengan pelbagai acara

sambutan dan memakai pakaian bertemakan warna sambutan iaitu warna ungu.

13. Sempena Hari Wanita Antarabangsa, marilah kita sama-sama menjulang wanita demi kegemilangan negara. Let's #CountHerIn.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

14 Februari 2024